

# Malaysia terus bekal air ke Singapura

UM - 2 AUG 2003

**P**UTRAJAYA 1 Ogos — Malaysia akan terus membekalkan air mentah ke Singapura seperti yang dijanjikan walaupun selepas Kerajaan Pusat mengambil alih pengurusan bekalan air di negeri-negeri pada akhir tahun ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika memberi jaminan itu berkata, Malaysia akan memenuhi komitmennya sehingga perjanjian sedia ada tamat tempoh walaupun pengurusan bekalan air akan bertukar tangan.

“Kita akan terus bekalkan air kepada Singapura, kita telah memberikan janji dan kita akan tunaikan janji itu,” tegas Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyaksikan majlis menandatangani kontrak antara Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh Jabatan Kerja Raya dan pemaju jambatan baru bagi menggantikan Tambak Johor. Gerbang Perdana Sdn. Bhd., di pejabatnya di sini hari ini.

Beliau mengulas keputusan kerajaan kclmarin untuk memindahkan pengurusan bekalan air di negeri-negeri di bawah pentadbiran Kerajaan Pusat sepenuhnya melalui sebuah badan khas.

Proses penyerahan itu dijangka dibuat seawal-awalnya akhir tahun ini.

Mengenai pertikaian harga air dengan Singapura, Dr. Mahathir mengulangi kenyataannya sebelum ini bahawa Malaysia mahu isu itu dibawa ke peringkat timbang tara.

“Saya rasa semangat untuk berbincang dan berunding sudah habis. Kita mahu adakan timbang tara.

“Berdasarkan kepada satu peruntukan dalam perjanjian, jika ada pertikaian yang tidak boleh diselesaikan, kita adakan proses timbang tara,” kata beliau.

Malaysia dan Singapura terlibat dalam pertikaian berhubung harga air ekoran keengganan republik itu menaikkan kadar harga air mentah yang dibelinya iaitu sebanyak tiga sen bagi setiap 1,000 gelen.

Menjawab sama ada kerajaan kedua-dua negara ada membincangkan isu berkenaan selepas iklan mengenai pertikaian tersebut diterbitkan di akhbar-akhbar, Dr. Mahathir berkata, tidak ada hubungan dibuat mengenai perkara itu.

“Tidak ada sebarang komunikasi, kami dengar (baca) dari surat khabar sahaja,” katanya merujuk kepada iklan yang dikeluarkan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara dua minggu lepas dalam akhbar-akhbar tempatan manakala Singapura mengiklankannya di Asia Wall Street Journal.

Sementara itu, pada sidang media berasingan selepas melakukan lawatan kerja ke Kompleks Kraf di Jalan Conlay di Kuala Lumpur petang ini, Dr. Mahathir berkata, hubungan Malaysia dengan Singapura adalah baik.

Bagaimanapun, katanya, kedua-dua negara akan menghadapi kesukaran untuk mencapai persetujuan dalam apa-apa bidang selepas ini.